

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD
AKIN [BUKIT KATIL]**

TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN

Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan **tindakan Kementerian terhadap Tenaga Nasional Berhad** berdasarkan **pelbagai aduan rakyat di Facebook TNB Careline** yang memaparkan kemarahan rakyat yang terpaksa menanggung beban kenaikan bil elektrik lewat kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Semakan Kementerian terhadap aduan rakyat di laman Facebook TNB Careline mendapati bahawa rungutan orang ramai mengenai peningkatan mendadak bil elektrik baru-baru ini adalah ekoran kesan fenomena El Nino

yang menyebabkan berlakunya cuaca panas terik dan kering berpanjangan. Keadaan panas pada siang hari yang meninggalkan kesan bahang sehingga ke awal pagi telah mempengaruhi tabiat penggunaan peralatan elektrik di kalangan pengguna khususnya alat penyaman udara dan mendorong kepada peningkatan penggunaan elektrik dan seterusnya menyebabkan bil elektrik pengguna meningkat secara mendadak.

2. Kenyataan ini disokong dengan fakta yang menunjukkan bahawa permintaan tertinggi atau *peak demand*, dengan izin, pada tahun ini dicatatkan pada 20 April 2016 dengan bacaan 17,788MW semasa suhu di seluruh negara mencecah 39 darjah Celsius berbanding dengan permintaan elektrik tertinggi pada 1 Januari 2016 iaitu 12,906MW. Ini menunjukkan bahawa keadaan cuaca panas yang melanda negara telah menyebabkan peningkatan permintaan elektrik sebanyak 37.82 peratus pada bulan April berbanding dengan bulan Januari 2016.

3. Memandangkan faktor peningkatan bil elektrik adalah disebabkan oleh tabiat penggunaan elektrik pengguna yang banyak akibat keadaan cuaca yang panas dan di luar kawalan TNB, maka, tiada sebarang tindakan akan diambil ke atas TNB. Walau bagaimanapun, sebagai syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang bertanggungjawab, TNB telah mengeluarkan artikel di beberapa akhbar bagi menasihatkan para pengguna tentang kaedah penggunaan cekap tenaga yang boleh mengurangkan penggunaan elektrik yang berlebihan.

NO. SOALAN: 129

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]

TARIKH : 24 MEI 2016

RUJUKAN : 9151

SOALAN:

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah serta pandangan Kementerian, kenapakah gejala perjudian haram masih lagi berleluasa di kawasan Kuching mahupun sepatutnya mengikut pihak polis ianya sudah dalam kawalan. Sila senaraikan jumlah tangkapan terhadap kedai-kedai yang terlibat dalam kawasan Parlimen Stampin serta Bandar Kuching semenjak tahun 2014 sehingga yang terkini. Senaraikan juga tindakan yang telah diambil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), sentiasa memberi perhatian yang khusus berkaitan aktiviti perjudian haram terutama yang melibatkan penggunaan internet dengan membuat pemantauan dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan di seluruh negara. Walaupun operasi membanteras aktiviti perjudian haram ini dijalankan secara besar-besaran dan berterusan namun aktiviti perjudian ini masih aktif kerana pengusaha pusat perjudian haram telah menukar modus operandi mereka dengan beroperasi di sebalik perniagaan yang sah atas nama pusat hiburan keluarga (PHK) atau telah mengubah lokasi daripada premis perniagaan ke kondominium atau membuka pusat perjudian di pinggir bandar atau di kawasan pendalaman. Selain itu, kaedah baharu yang digunakan oleh sindiket adalah secara penyebaran melalui *short message service* (SMS) atau melalui laman-laman website bagi mencari pelanggan-pelanggan baharu.

Statistik tindakan penguatkuasaan terhadap aktiviti perjudian bagi Parlimen Stampin bagi tahun 2014 sehingga April 2016 adalah seperti berikut:-

KEGIATAN PERJUDIAN	SERBUAN BERJAYA	TANGKAPAN	RAMPASAN MESIN	RAMPASAN WANG (RM)	PERTUDUHAN			
	(2014/JAN-APRIL 2016)	(2014/JAN-APRIL 2016)	(2014/JAN-APRIL 2016)	(2014/JAN-APRIL 2016)	JUM KES (2014/JAN-APRIL 2016)	TUDUH (2014/JAN-APRIL 2016)	DNA / DNAA / NFA / KUS(2014/JAN-APRIL 2016)	DLM SIASATAN/PAKARN(2014/JAN-APRIL 2016)
MESIN	200	533	3499	52829	200	91	0	109
LOTERI HARAM	94	132	0	41064	94	15	0	79
CATIT TARUH	1	1			1	0	0	1
D.BANGUNAN	0	0			0	0	0	0
T.BEBAS	11	113			11	10	0	1
JUMLAH	306	779	3499	93893	0	116	0	190

Statistik tindakan penguatkuasaan terhadap aktiviti perjudian bagi Parlimen Kuching bagi tahun 2014 sehingga April 2016 adalah seperti berikut:-

KEGIATAN PERJUDIAN	SERBUAN BERJAYA	TANGKAPAN	RAMPASAN MESIN	RAMPASAN WANG (RM)	PERTUDUHAN			
	(2014/JAN-APRIL 2016)	(2014/JAN-APRIL 2016)	(2014/JAN-APRIL 2016)	(2014/JAN-APRIL 2016)	JUM KES (2014/JAN-APRIL 2016)	TUDUH (2014/JAN-APRIL 2016)	DNA / DNAA / NFA / KUS(2014/JAN-APRIL 2016)	DLM SIASATAN/PAKAR (2014/JAN-APRIL 2016)
MESIN	292	744	4149	40316	292	242	50	0
LOTERI HARAM	43	58	0	41362	43	40	0	3
CATIT TARUH	7	13			7	7	0	0
D.BANGUNAN	4	38			4	4	0	0
T.BEBAS	13	88			13	13	0	0
JUMLAH	359	941	4149	81678	0	306	50	3

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT
PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
(KUANTAN)**

TARIKH : 24 MEI 2016

SOALAN :

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan penjelasan mengenai bantuan sekiranya ada yang
diberikan kepada para pengemis, kutu rayau dan gelandangan supaya
mereka dapat menjalankan kehidupan normal dan berdikari seperti
orang biasa.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyediakan penempatan di **institusi-institusi** di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan **Anjung Singgah** di bawah Yayasan Kebajikan Negara (YKN), manakala di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) mewujudkan **Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur** di Jalan Pahang dan **Pusat Khidmat Gelandangan** di Lorong Medan Tuanku yang bertujuan membantu golongan pengemis, kutu rayau dan gelandangan. Antara bentuk bantuan yang diberikan kepada golongan ini ialah:

- 1) Bantuan berbentuk khidmat sokongan seperti penempatan di institusi iaitu **Rumah Seri Kenangan (RSK)** dan **Desa Bina Diri (DBD)**. Bagi pengemis atau kutu rayau yang berumur 60 tahun dan ke atas serta tidak berwaris atau waris tidak dapat dihubungi mereka akan diberi perlindungan dan penjagaan di RSK. Ini bagi memastikan kelangsungan hidup mereka terus terjamin. Manakala

pengemis atau kutu rayau yang berumur di bawah 60 tahun akan ditempatkan di DBD bagi menjalani program pemulihan, kemahiran, latihan kerjaya dan perkhidmatan kaunseling turut disediakan kepada mereka.

- 2) Menyediakan perkhidmatan kaunseling di Anjung Singgah Kuala Lumpur. Sesi kaunseling ini dijalankan sama ada secara individu atau berkelompok mengikut keperluan gelandangan tersebut. Sesi kaunseling dikendalikan oleh kaunselor bertauliah yang berdaftar dari Lembaga Kaunselor Malaysia.
- 3) Anjung Singgah atau Pusat Transit Gelandangan sebagai pusat sehenti (*one stop centre*) berdasarkan kesesuaian dan keperluan, gelandangan yang masuk ke pusat tersebut akan disalurkan kepada jabatan atau agensi Kerajaan, atau pihak-pihak lain bagi mendapatkan perkhidmatan, kemudahan dan bantuan yang disediakan.
- 4) Pusat Transit Gelandangan juga tidak sekadar memberi makan minum serta tempat berlindung sementara kepada golongan gelandangan tetapi dengan kerjasama pelbagai agensi dan NGO, pelbagai perkhidmatan sokongan turut disediakan iaitu aktiviti

motivasi, khidmat kaunseling, aktiviti kerohanian dan moral, penjadohan pekerjaan, rujukan untuk rawatan kesihatan, rujukan kepada rawatan pemulihan dadah dan rujukan kepada pelbagai agensi pemberi bantuan yang lain.

- 5) Bagi kes keluarga yang menjadi gelandangan disebabkan tidak mampu membayar sewa bilik atau sewa rumah akan dibantu dengan kerjasama pihak Baitulmal yang mempunyai rumah transit untuk menempatkan gelandangan keluarga atau gelandangan kelamin. Pihak Baitulmal juga ada menyediakan bantuan bayaran deposit sewa rumah dan bantuan bayaran sewa rumah kepada yang berkelayakan. Bantuan seperti ini dapat membantu gelandangan keluarga dalam tempoh tertentu sementara mereka berusaha memulihkan keadaan kewangan sebelum kembali berdikari. Sekiranya keluarga tersebut didapati bergelandangan bersama-sama anak di bawah umur 18 tahun, Jabatan Kebajikan Masyarakat akan mengambil tindakan perlindungan berdasarkan **Akta Kanak-Kanak 2001**.